



**RAPAT:** Program Komuniti UMS yang disertai pelajar Program Kerja Sosial rapatkan hubungan mahasiswa dan masyarakat.

# Program Komuniti UMS rapatkan hubungan mahasiswa dan masyarakat

**UB 02.02.2003 P.03**

**KOTA BELUD:** Seramai 41 pelajar Program Kerja Sosial Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengadakan Program Komuniti Siri 1 2022/2023 di Kampung Suang Punggur, di sini baru-baru ini.

Program diisi dengan pelbagai aktiviti, antaranya ceramah disampaikan kaunselor berdaftar, Stanley Misun dari

Pejabat Pendidikan Daerah Tuaran, pembahagian keluarga angkat dan aktiviti sukaneka bersama penduduk kampung.

Program komuniti itu dirasmikan Pengerusi Gabungan Kelab-Kelab Belia Daerah Kota Belud, Azuwan Marjan @ Norjan.

Sementara itu, pengarah program, Amiruddin Idris

berkata program dilaksanakan bertujuan mengeratkan hubungan silaturahmi antara mahasiswa dengan masyarakat

Selain itu, ia juga bertujuan meningkatkan kemahiran yang dipelajari mahasiswa dalam kursus kerja sosial dan membantu sesebuah komuniti serta secara tidak langsung dapat membantu kami

dalam mempraktikkannya dalam kehidupan seharian.

Pensyarah Subjek Praktis Komuniti, Dr. Wanda Kiyah Anak George Albert merangkap Ketua Program Kerja Sosial, Fakulti Psikologi dan Pendidikan, UMS hadir dalam majlis itu.

Turut hadir timbalan pengarah program, Nur Ain Binti Ranius.